

Headline **Seminar kongsi sengsara pesakit Aids**  
Date **09. Jun 2009** Language **MALAY**  
Media Title **Sinar Harian (Pahang)** Page No **12**  
Section **NEWS** Article Size **585** cm2  
Circulation **60000** Frequency **Daily**  
Readership **0** Color **Full Color**  
AdValue **3218.16**



# Seminar kongsi sengsara pesakit Aids

**Walaupun masih ada program menjelaskan mengenai penyakit ini yang tidak mudah berjangkit melalui beberapa perkara namun masyarakat tetap memandang buruk kepada pesakit**

**ASWANY OMAR**

**S**eminar membanteras gejala HIV/Aids, Wanita Sri Perdana 2009 berjaya memberi lebih banyak input mengenai kesedaran kepada masalah pesakit Aids yang tidak mendapat sokongan keluarga dan masyarakat.

Melalui sesi ceramah, peserta berkongsi pengalaman mengenai kehidupan pesakit Aids yang tidak dipedulikan keluarga malah ada dalam kalangan mereka yang

'membuangnya' sehingga ada yang terpaksa keluar dari rumah.

Pengurus projek, Drug Intervention Community (DIC), Khalid Hashim berkata, masyarakat memandang sinis kepada pesakit Aids dan masih ada stereotaip dalam kalangan mereka.

Menurutnya, walaupun masih ada program menjelaskan mengenai penyakit ini yang tidak mudah berjangkit melalui beberapa perkara namun masyarakat tetap memandang buruk kepada pesakit.

Selain itu, beliau kesal kerana ramai yang mengatakan bahawa Aids berpunca daripada suntikan dan penagih dadah paling ramai menjadi mangsa serong masyarakat kerana tindakan mereka.

Menurutnya, bukan

hanya penagih dadah yang boleh diserang penyakit itu malah mereka yang suka melakukan seks rambang.

"Sedar atau tidak bahawa ada di antara mereka di luar sana yang tidak pernah serik melakukan hubungan seks rambang. Ada juga yang melanggan pelacur," katanya ketika menyampaikan ceramah sempena seminar membanteras gejala Aids Wanita.

Beliau berkata, stigma masyarakat memandang mereka yang dikesan sebagai pesakit Aids adalah golongan 'jahat'.

Beliau memberitahu, sebagai orang awam kita perlu mengetahui mengenai maklumat penyakit itu.

"Paling menyedihkan apabila ada pesakit yang terpaksa hidup terasing kerana keluarga terlalu memandang serius malah mengasingkan semua peralatan rumah yang digunakan kerana bimbang akan berjangkit,"

katanya.

Khalid berkata, melalui kaji selidik, ramai ibu bersalin yang dijangkiti HIV akibat sikap suami yang suka melakukan hubungan rambang.

Justeru, katanya, saringan HIV/Aids penting bagi mengelakkan berlakunya perkara itu dan wajib kepada semua bakal pasangan.

Sementara itu, pengarah program seminar, Mohd Feizul Abilah berkata, seminar berkenaan antara lain bertujuan melahirkan lebih ramai wanita berpendidikan luas dalam menangani masalah Aids yang semakin berleluasa.

Selain itu, katanya, ia diharap dapat membantu menghindari wanita daripada menceburi aktiviti tidak berfaedah dan membentuk sahsiah diri yang positif sesuai dengan hasrat kerajaan menjadikan modal insan kelas pertama.

"Pada seminar kali ini, kelab

berkenaan memilih modul mengenai implikasi serta pendekatan yang boleh diambil oleh masyarakat setempat dalam membantu membanteras gejala Aids yang semakin berleluasa," katanya.

Antara tajuk kertas kerja yang dibentangkan untuk tatapan dan rumusan peserta seminar pada kali ini ialah Implikasi Gejala Aids Terhadap Wanita, Pendekatan Dalam Membanteras Gejala Aids Serta Fungsi.

"Mereka digalakkan berkumpul untuk diberi input serta pendedahan mengenai masalah Aids yang semakin berleluasa," katanya.

Menurutnya, kelab berkenaan sedang merancang mengadakan kesinambungan daripada seminar pada hari itu bagi membolehkan wanita terbabit mendapat lebih banyak informasi daripada program berkenaan.

Headline Seminar kongsi sengsara pesakit Aids  
Date 09. Jun 2009  
Media Title Sinar Harian (Pahang)

P12 wanita@pahang


www.sinarharian.com.my | SELASA, 09 JUN 2009



● Peserta seminar bersama Ahli Jawatankuasa Program mengabadikan kenangan pada Seminar Membanteras Gejala Aids Wanita Sri Perdana, di sini kelmarin.



● MOHD FEIZULABLLAH



● KHALID HASHIM